

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

SMART AGRO- SOLARPRENEUR



Lokasi:
PARIT 21B SUNGAI
LAMPAM, TELUK INTAN,
PERAK DARUL RIDZUAN

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang



"Teknologi memperkaya hasil tanaman, namun kebijaksanaan dalam bertani adalah kunci kelestarian untuk masa hadapan."



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, syukur kehadiran ALLAH S.W.T kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya kita dapat berkumpul di dalam Majlis Penutupan Program Smart Agro-Solarpreneur pada pagi ini.

Saya dengan rasa berbesar hati, mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa Penganjur Smart Agro-Solarpreneur iaitu Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Keusahawanan Malaysia (MASMED), Universiti Teknologi MARA dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan program ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) kerana memberi kepercayaan kepada UTM melalui MASMED sebagai penganjur program Smart Agro-Solarpreneur.

UITM Signature Program

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman semua, Universiti Teknologi MARA (UTM) telah memperkenalkan Smart Agro-Solarpreneur sebagai salah satu inisiatif dalam program "UITM Signature Program" sekitar tahun 2021. Smart Agro-Solarpreneur adalah merupakan gabungan projek usahawan vendor Solar, Fertigasi dan Kelulut, dan adalah dibawah tajaan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan sumbangan dana berjumlah RM150,000.00. Program ini bertujuan untuk menggabungkan bidang agroteknologi dengan teknologi hijau yang memacu pertumbuhan keusahawanan dalam sektor pertanian yang progresif dan dinamik. Program ini telah dirasmikan oleh mentan Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor sebagai tanda sokongan dan komitmen universiti dalam memajukan bidang keusahawanan agroteknologi.



**"JANGANLAH KITA MENGAMBIL TANAH DARI GENERASI KITA
TETAPI PINJAMKANLAH TANAH INI DARI GENERASI YANG AKAN
DATANG."**



Projek ini telah dilaksanakan di bawah pemantauan Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) dan UiTM Cawangan Terengganu dan penyertaan adalah terdiri daripada 6 orang alumni usahawan yang terpilih. Para peserta ini diberikan latihan praktikal selama 2 bulan di pusat latihan / inkubator di UiTM Dungun, Terengganu. Sepanjang tempoh latihan, para peserta telah didedahkan kepada proses ketiga-tiga bidang iaitu Fertigasi, Solar dan Kelulut. Para peserta dibimbing oleh pakar yang mahir dan berpengalaman dalam bidang agroteknologi sepanjang latihan tersebut. Setelah tamat sesi latihan, para peserta diberikan bantuan oleh pihak penganjur dengan permulaan modal dalam bentuk bahan keperluan bagi penyediaan pembinaan "ladang agro / sarang kelulut" di kediaman masing-masing. Sesi pemantauan seterusnya akan dijalankan bagi memastikan projek para peserta dapat diteruskan secara mampan dengan memanfaatkan pengetahuan dan bimbingan yang diperoleh semasa latihan.

Program Smart Agro-Solarpreneur dilihat sebagai sebuah inisiatif yang berpotensi untuk memperkasakan bidang keusahawanan agroteknologi, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang sedang mencari hala tuju dalam kerjaya mereka. Program ini melibatkan penggunaan teknologi terkini iaitu sistem solar dalam keseluruhan pelaksanaan operasi bagi mewujudkan elemen inovasi yang amat relevan dengan tema "Global Sustainable Development Goals".

Hal ini sejajar dengan gagasan ekonomi yang berasaskan kemampanan, atau apa yang sering diungkapkan oleh cendekiawan ekonomi sebagai menuju kepada ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum yang mana usaha ini menumpukan usaha kemampanan alam sekitar dan masyarakat.

Secara tuntasnya, keusahawanan agroteknologi membawa bersama elemen inovasi yang tinggi dalam aktiviti pertanian. Ia melibatkan penerokan dan penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos, dan menjana sumber yang lebih mampan.

MASMED di bawah naungan UiTM akan terus komited memastikan elemen keusahawanan sentiasa didendangkan dan diterjemahkan dalam segenap aspek. Diharap dengan pelbagai ikhtiar dan program khas yang dilaksanakan, program penutupan Smart Agro-Solarpreneur ini bukanlah suatu titik noktah namun ia menjadi pelopor dan pencetus idea kepada program-program berasaskan keusahawanan agroteknologi dan dapat memberi seribu makna buat seluruh warga UiTM dan pemegang taruhnya.

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun,

**Teluk Intan tempat bertemu,
Tempat bertemu uda dan dara,
Baliklah tuan membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.**

Seharian wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern, multi-story building with a white facade and a dark tiled roof. The building features a prominent sign that reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in large, bold, blue capital letters. The building has several windows and a covered entrance area with white columns.

**KOMPLEKS
USAHAWAN**